

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, DI MAJLIS
PERASMIAN MUSABAQAH MEM BACA
AL-QURAN TAHUN 1399/1979, PERINGKAT
KEBANGSAAN PADA HARI KHAMIS,
9HB. OGOS 1979 JAM 8.30 MALAM.

Assalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

1. Yang Berhormat Tan Sri Syed Nasir Ismail,
Pengerusi Jawatankuasa Pusat Musabaqah
Membaca Al-Quran,

2. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri,

3. Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan-
Timbalan Menteri,

4. Yang Amat Berhormat Menteri-Menteri Besar
dan Ketua-Ketua Menteri,

5. Tuan-tuan Yang Terutama Duta-duta dan
Dif-dif Kehormat dari Luar Negeri,

6. Yang Berusaha Ahli-Ahli Jawatankuasa Musabaqah,

7. Qari-qari dan Qariah-qariah,

8. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

BISMILLA-HIRRAHMA-NIRRAHIM.

Saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala.kerana dengan taufiq dan hidayahNya, serta rahmat dan inayahNya, dapat kita sekali lagi mengadakan Musabaqah Membaca Al-Quran, bagi kali yang ke 21 pada tahun ini. Saya mengucapkan terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada ahli-ahli Jawatankuasa Pusat Musabaqah Membaca Al-Quran, khususnya kepada Pengerusinya, Yang Berhormat Tan Sri Syed Nasir Ismail, di atas daya usaha serta sumbangan tenaga dan fikiran mereka,

bagi menjayakan majlis pada malam ini, dan seterusnya pada malam-malam yang berikut.

2. Pada tiap-tiap tahun dalam bulan Ramadhan, seluruh pandangan negara-negara Islam, tertumpu kepada negara kita. Mereka melihat di atas sambutan yang diberikan oleh rakyat sendiri, serta sambutan dari negara-negara jiran, terhadap Musabaqah Membaca Al-Quran yang kita anjurkan ini. Sesungguhnya, usaha yang telah kita jayakan selama 21 tahun ini, telah mengharum serta meningkatkan lagi

nama baik negara kita. Ia merupakan salah satu dari langkah-langkah Kerajaan bagi meninggikan lagi syiar Islam, dan mengeratkan lagi perpaduan umat Islam, khususnya di kalangan rakyat di tanahair kita, dan penduduk-penduduk di negara-negara Islam yang lain amnya.

3. Saya sukalah mengambil kesempatan di majlis ini. melahirkan penghargaan serta menjunjung tinggi pandangan jauh dan dayausaha Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, yang mula-mula menganjurkan Musabaqah ini, dan kepada Allahyarham Tun Abdul Razak, di atas jasa-jasanya dalam bidang ugama dan pembangunan, sehingga negara

kita menjadikan lebih terkenal lagi di dunia, khususnya di kalangan negara-negara Islam.

4. Thema Musabaqah kita tahun ini, iaitu "Ilmu dan Akal Asas Keimanan", amatlah tepat dan sesuai sekali dengan masa dan keadaan. Ia dapat membangkitkan kesedaran di kalangan masyarakat Islam di negara ini, terhadap pentingnya membina dan seterusnya mengukuhkan lagi keimanan, melalui ilmu pengetahuan dan penggunaan akal fikiran yang waras dan sihat. Uagama Islam yang kita anuti, mempunyai segala

asas bagi keperluan hidup manusia yang sempurna, di dunia dan di akhirat. Sebagai satu agama yang teragong dan terjamin, Islam telah memberi penilaian yang tinggi kepada ilmu pengetahuan dan akal fikiran.

5. Umat Islam wajib mengetahui serta memegang teguh kepada enam perkara Rukun Iman. Adalah menjadi tanggungjawab dan tugas mereka untuk memelihara, menjamin dan mengukuhkan iman mereka, serta bertaqwa kepada Allah, bagi memperolehi darjat yang tinggi.

Bagi mencapai serta mengekalkan darjat yang setinggi-tingginya ini, Islam telah mendedahkan umatnya kepada berbagai ilmu pengetahuan,serta menyeru mereka supaya menggunakan akal fikiran bagi mencapai cita-cita yang tinggi dan mulia itu.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

6. Ayat-ayat suci Al-Quran, menerangkan mengenai ketinggian darjat orang-orang yang berilmu pengetahuan, dan yang waras fikirannya. Kedudukan dan martabat orang-orang yang berilmu, memanglah sentiasa dipandang tinggi oleh masyarakat.

Orang-orang yang berpengetahuan dan bijaksana, lazimnya, mencapai kejayaan dan kemajuan yang tinggi. Firman Allah dalam ayat 9, surah Azzumar, yang bermaksud:

"Katakanlah: samakah orang-orang yang berpengetahuan dengan orang-orang tidak berpengetahuan? Hanya orang-orang yang berakallah sahaja yang dapat menerima pelajaran".

Dalam ayat 11, surah Al-Mujadalah, Allah berfirman, dan maksudnya:

"Allah akan mengangkat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan

orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan, kepada derajat yang tinggi."

Penjelasan Rasulullah Sal-lallahu 'Alaihi Wasallam, mengenai kewajiban menuntut ilmu pengetahuan, telah diuraikan dalam satu hadith, yang bermaksud:

"Menuntut ilmu pengetahuan itu, adalah wajib di atas tiap-tiap orang Islam, lelaki dan perempuan."

Demikian juga mengenai akal; Islam memberi perhatian yang berat kepadanya, sehingga akal merupakan syarat utama dalam menentukan 'mukallaf' atau tidaknya, seseorang Islam itu.

Rasulullah telah bersabda, yang bermaksud:

"Tidak sempurna iman seseorang.

yang tidak sempurna akalnya."

7. Maksud ayat-ayat Al-Quran dan Hadith ini, jelas membuktikan bahawa, Islam menggalakkan umatnya menjadi manusia yang berilmu dan bijaksana, bukannya jahil, melarat dan hina. Ilmu dan Akal memimpin umat Islam ke arah kekuatan dan keteguhan iman, dan kearah hidup yang progresif, dinamis,serta dapat menghadapi masa depan, dengan pandangan yang yakin dan optimis.

8. Kandungan kitab suci Al-Quran, bukan sahaja mengandungi saranan dan gesaan, supaya umat Islam menjadi alim dan pakar, jmaiah ia juga menghuraikan berbagai bidang keilmuan. Al-Quran menghayatkan kisah-kisah dan sejarah untuk menjadi bahan renongan dan pemikiran, agar dengan contoh-auladan yang baik darinya, diambil sebagai pengajaran, manakala yang buruk dan tercela, dijadikan ingatan dan sempadan. Al-Quran menghurai dan menerangkan berbagai aspek sains, termasuklah alam kehidupan manusia, tumbuhan-tumbuhan, haiwan, sumber tenaga dan kuasa, yang terdapat didaratan dan di lautan, dan berbagai

bidang keilmuan lagi, yang semuanya diterangkan oleh Allah. Semuanya ini, telah disampaikan kepada umat Islam sejak berabad-abad yang lalu, dan kini masih terus tersimpan dan terpelihara di dalam kitab suci Al-Quran yang mulia.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

9. Salah satu tujuan utama Kerajaan menganjurkan Musabaqah Membaca Al-Quran, ialah supaya umat Islam, terutama muda-mudi kita, mengetahui dan mempelajari makna dan maksud ayat-ayat Kitab Suci Allah itu. Quran menyebutkan

berkenaan bidang sains dan teknologi,serta lain-lain pengetahuan dunia. Kesemuanya,adalah sebagai pertunjuk. Manusia perlulah menggunakan akal untuk mengkaji serta meneliti dengan lebih mendalam lagi,bagi memperolehi pengetahuan yang lebih luas mengenai bidang-bidang itu,supaya ia dapat di gunakan dalam penghidupan mereka sehari-hari.

10. Memang tidak boleh dinafikan,bahawa ilmu adalah penting bagi mencapai sebarang kemajuan. Jika kita hendak berniaga, misalnya, maka sewajarnya kita mengetahui terlebih dahulu mengenai selok-belok perniagaan.

Cara hendak mempertahankan diri pun, kita perlu menuntut ilmu khusus mengenainya. Pendek kata, ilmu pengetahuan dalam apa bidang sekalipun, amatlah berguna. Itulah sebabnya Kerajaan menyediakan berbagai kemudahan untuk memberi didekan dan ilmu pengetahuan kepada anak-anak. Kerajaan memberikan pelajaran percuma kepada anak-anak rakyat Malaysia, tanpa mengira kaum atau ugama, di semua sekolah-sekolah rendah di tanahair kita.

11. Sesungguhnya, Kerajaan sentiasa berusaha serta memberi peluang kepada pelajar-pelajar bagi

meninggikan ilmu pengetahuan mereka, supaya mereka menjadi rakyat yang berguna. Penubuhan maktab-maktab dan lain-lain institusi pelajaran tinggi, serta beberapa buah universiti, adalah bertujuan untuk membantu muda mudi kita, memperolehi peluang-peluang yang lebih banyak dalam bidang pelajaran.

12. Biasiswa-biasiswa diberi kepada pelajar-pelajar, bagi membolehkan mereka melanjutkan pengajian di Universiti-universiti tempatan dan luar negeri. Latihan-latihan dan kursus-kursus

juga dijalankan bagi menambah pengetahuan mereka yang telah lulus, dan berkhidmat dengan Kerajaan atau sektor swasta, dengan tujuan supaya mereka dapat menggunakan ilmu pengetahuan mereka itu dalam pembangunan negara, yang boleh membawa kemakmuran kepada rakyat.

13. Memanglah menjadi hasrat Kerajaan mewujudkan di negara ini, sebuah masyarakat Malaysia yang maju, progresif dan dinamis. Pencapaian matalamat ini memerlukan sumbangan, penyertaan, penglibatan, sokongan serta kerjasama semua pihak di tanahair kita, termasuklah masyarakat Islam. Setiap rakyat,

termasuklah umat Islam, hendaklah melengkapkan diri sepenuhnya dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran atau kepakaran, supaya mereka dapat menyumbang khidmat bakti dalam bidang tenaga pekerja, yang diperlukan oleh negara kita yang sedang pesat membangun.

14. Umat Islam sewajarnya dapat bersama-sama memberikan sumbangan ini, supaya negara kita menjadi lebih maju, yang boleh membawa kemakmuran yang lebih kepada rakyat. Tetapi, sedang langkah-langkah yang sesuai dan menasabah,

pesat dijalankan oleh Kerajaan bagi mencapai tujuan ini, terdapat sebilangan orang-orang Islam sendiri, dan setengah-setengah daripadanya terdiri dari orang-orang yang terpelajar, cuba memesongkan perhatian dan pandangan rakyat kita kepada akhirat semata-mata. Mereka ini lebih menekan dan menitikberatkan hal-ehwal akhirat dengan mempengaruhi umat Islam, supaya mengenenepikan kebahagiaan, kemewahan dan keselesaan di dunia. Mereka menafikan anak-anak mereka dari kemudahan pelajaran yang disediakan oleh Kerajaan; mencegah keluarga dari menikmati

kemewahan dan kemakmuran dunia moden dan kemajuan; serta memisahkan golongan kecil mereka dari masyarakat am seluruhnya.

15. Perbuatan dan tindakan yang sempit seperti ini, yang sedang dilaku dan diamalkan oleh sebilangan kaum kita ini, amatlah menyedihkan, kerana ia sudah tentu akan merugikan masyarakat, bangsa dan negara. Menafikan anak-anak dari pelajaran dan pendidikan yang sempurna dan sesuai dengan perkembangan zaman moden, adalah menginayakan nasib masa depan kanak-kanak itu sendiri. Kanak-kanak ini adalah masih

kecil lagi, dan masih mentah untuk membuat pertimbangan sendiri. Orang-orang dewasa dan ibubapa, hendaklah lebih bertanggungjawab dalam membantu dan menjamin masa depan jenerasi muda ini.

16. Sebagaimana kita sedia maklum, ilmu pengetahuan dan pendidikan yang sempurna, adalah penting bagi pembangunan dan mencapai kemajuan diri, kemajuan masyarakat, agama, bangsa dan negara. Al-Quran menyuruh kita mencari ilmu pengetahuan di dunia. Rasulullah bersabda dalam satu Hadis, yang maksudnya,

antara lain:

"Tuntutlah ilmu, sekalipun sampai ke Negeri China."

Kata-kata hikmat, yang ada penyesuaian dengan isi kandungan satu Hadis

yang bermaksud

" Berusahalah untuk dunia mu seolah-olah engkau hidup selamanya, dan beramal-lah untuk akhirat mu,seolah-olah engkau mati esok hari."

Sesungguhnya, kedua-dua bidang dunia dan akhirat adalah perlu diseimbangkan, supaya umat Islam dapat menikmati kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Usaha-usaha pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan selama ini, bukanlah semata-mata ditumpukan dalam bidang sosial dan ekonomi sahaja. Pembangunan dalam bidang keugamaan dan rohaniah, turut dititikberatkan. Islam tidak sekali-kali menghalang umatnya mengejar dan memperolehi kemajuan dan kebahagiaan dunia, asalkan cara dan jalan yang kita lakukan itu, adalah cara yang diredhai Allah.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

17. Satu lagi perkara yang mendukacitakan kita, pada akhir-akhir ini ialah, terdapat juga sebilangan orang-orang Islam yang tidak begitu yakin tentang perlunya kita berpandu kepada Al-Quran, di dalam beberapa bidang dan lapangan hidup. Di samping itu, ada pula segolongan kecil yang melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan suruhan agama dan perintah ALLAH. Di antara mereka yang kurang pengetahuan dalam hal-hwal Uagama Islam ini, cuba pula menyebarkan ajaran-ajaran yang salah. Pada hemat saya,

kesemuanya ini berlaku, adalah disebabkan kurang ilmu pengetahuan mengenai agama, ataupun mempunyai ilmu pengetahuan, tetapi tidak menggunakan akal dalam membuat sesuatu pertimbangan, atau melakukan sesuatu tindakan.

18. Saya sukalah menegaskan di sini bahawa dalam sebuah negara yang sedang pesat membangun, seperti Malaysia, umat Islam mestilah merebut dan menggunakan segala peluang yang disediakan oleh Kerajaan, bagi meningkatkan lagi ekonomi serta membaikkkan lagi keadaan hidup diri mereka sendiri, dan seterusnya masyarakat Islam seluruhnya.

Mereka hendaklah menggunakan kemajuan yang diperolehi dan kemewahan yang dinikmati, bagi meninggikan lagi nilai-nilai hidup, serta memperluaskan kegiatan-kegiatan ugama. Dengan jalan ini, maka dapatlah kita sekalian meningkatkan maruah dan mertabat masyarakat Islam, serta menyumbangkan usaha, tenaga dan pemikiran, bagi meninggikan lagi syiar Islam di negara kita.

19. Saya selalu menyatakan, bahawa Kerajaan telah pun melaksanakan berbagai langkah bagi membolehkan umat Islam menyertai dan melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan ekonomi negara.

Lembaga Urusan dan Tabong Hajudan Kompleks Kewangan, misalnya, adalah diantara beberapa institusi yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan bagi tujuan suci ini. Saya sekali lagi menyeru umat Islam, supaya mengambil peluang dan menggunakan kemudahan-kemudahan yang disedia dan diwujudkan oleh Kerajaan, supaya mereka tidak akan ditinggalkan oleh kemajuan. Umat Islam mestilah sama-sama dengan lain-lain kaum di negara ini, berusaha secara bersungguh-sungguh, bagi memastikan supaya hasrat Kerajaan untuk melahirkan sebuah masyarakat Malaysia yang maju, progresif dan dinamis, dapat dijadikan

20. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri, ahli-ahli Jawatankuasa Pusat dan lain-lain pihak yang terlibat, bagi menjayakan Musabaqah Membaca Al-Quran tahun ini. Kepada Qari-qari dan Qariah-qariah, saya mendoakan kesemuanya selamat maju jaya.

21. Kepada hadirin sekalian dan umat Islam seluruhnya, marilah kita sama-sama mengikuti bacaan-bacaan Kitab Suci Al-Quran di Musabaqah ini, dengan perasaan penuh khusyu' dan tawadhuk.

Mudah-mudahan dikurniakan Allah kepada kita segala berkat dan rahmatnya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

22. Dengan ini, maka saya dengan nama ALLAH yang Maha Pemurah lagi amat mengasihani, mengisytiharkan Musabaqah Membaca Al-Quran tahun 1399 Hijrah,bersamaan tahun Masehi 1979, Peringkat Kebangsaan ini, dibuka dengan resminya.

Wabillahit-taufiq,

Wassalamu 'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.



No Siri	453
No Penerimaan	81/81